



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

PROSPEKTUS PROGRAM MATRIKULASI

EDISI PERTAMA

**SISTEM
DUA
SEMESTER**

**PROSPEKTUS
PROGRAM MATRIKULASI
KPM
SISTEM DUA SEMESTER**

EDISI PERTAMA

Cetakan Pertama, 2022 (Edisi Pertama)
Hak Cipta © 2022 Bahagian Matrikulasi
Kementerian Pendidikan Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang artikel, ilustrasi, isi kandungan dari mana-mana bahagian dalam buku ini tidak dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindahkan dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Diterbitkan di Malaysia oleh

Bahagian Matrikulasi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 6&7, Blok E15,
Kompleks Kerajaan Parcel E.
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya,
MALAYSIA.
Tel: 603-8884 4083
Faks: 603-8884 4028
Laman Web: www.moe.gov.my

Dicetak di Malaysia oleh

Perpustakaan Negara Malaysia
Prospektus Program Matrikulasi KPM
Sistem Dua Semester
Edisi Pertama

e ISBN 978-983-2604-86-0

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

VISI BAHAGIAN MATRIKULASI

Penjana unggul pelajar bumiputera berkualiti ke institusi pengajian tinggi dalam bidang sains, teknologi dan profesional.

MISI BAHAGIAN MATRIKULASI

Membangunkan potensi pelajar bumiputera dalam bidang sains, teknologi dan profesional melalui pendidikan pra universiti yang berkualiti untuk melahirkan modal insan yang cemerlang.

OBJEKTIF BAHAGIAN MATRIKULASI

1. Membangunkan modal insan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
2. Mengeluarkan lulusan Program Matrikulasi bagi memenuhi keperluan universiti awam (UA) dalam bidang sains, teknologi dan profesional.
3. Menjana lepasan Program Matrikulasi yang berpengetahuan, kreatif dan berdaya saing.

Kata Alu-aluan

**PENGARAH BAHAGIAN MATRIKULASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan platform untuk pelajar lepasan menengah meneruskan pembelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda di institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik dan Perakaunan. Untuk tujuan ini, Program Matrikulasi telah menawarkan empat jurusan pengajian iaitu Jurusan Sains, Jurusan Kejuruteraan, Jurusan Perakaunan dan Jurusan Perakaunan Profesional.

Jurusan yang ditawarkan dalam program ini menitikberatkan kecemerlangan akademik dan kemahiran insaniah selaras dengan aspirasi pendidikan negara bagi melahirkan insan yang holistik.

Kurikulum berteraskan Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome-Based Education* – OBE) telah dilaksanakan pada tahun 2018 buat kali pertama dan semakan pada tahun 2022. Pelaksanaan kurikulum OBE ini merupakan salah satu inisiatif Bahagian Matrikulasi KPM dalam memastikan standard kurikulum dan pentaksiran Program Matrikulasi KPM adalah setanding dengan ketetapan standard di peringkat antarabangsa. Usaha ini merupakan sebahagian daripada inisiatif 46 [a] PPPM 2013 – 2025: Pengantarabangsaan Program Matrikulasi KPM bagi memastikan kebolehpasaran pelajar Program Matrikulasi KPM dalam persada pendidikan global.

Program Matrikulasi KPM telah mendapat pengiktirafan daripada universiti dalam dan luar negara. Lulusan Program Matrikulasi berpeluang menyambung pengajian di universiti awam dan swasta dalam negara serta di 45 buah universiti luar negara dari United Kingdom, Australia, New Zealand, Hong Kong, Korea Selatan, Singapura dan Jepun. Daripada 45 buah universiti yang mengiktiraf program ini, 21 universiti berada dalam Top 100 QS World University Rankings 2022 seperti University College London, King's College, University of Sydney dan Kyoto University.

Dengan pengiktirafan dan keistimewaan program ini, besarlah harapan kementerian agar pelajar lepasan menengah menjadikan matrikulasi pilihan utama sebagai platform untuk ke peringkat ijazah sarjana muda.

Selamat Datang ke Program Matrikulasi KPM dan Selamat Maju Jaya.



DR. HAJAH ROSNARIZAH BINTI ABDUL HALIM

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	i
Visi Bahagian Matrikulasi	i
Misi Bahagian Matrikulasi	i
Objektif Bahagian Matrikulasi	i
Kata Alu-aluan Pengarah Bahagian Matrikulasi KPM	ii
Kandungan	iv
BAHAGIAN A: PENGENALAN	
1. Latar Belakang Penubuhan Program Matrikulasi KPM	2
2. Senarai Kolej Matrikulasi dan Kolej MARA	4
BAHAGIAN B: STRUKTUR PROGRAM MATRIKULASI KPM	
1. Konsep Umum	7
2. Pelaksanaan Program	8
2.1 Sistem Semester	8
2.2 Objektif Pembelajaran Program (Programme Educational Objectives, PEO) dan Hasil Pembelajaran Program (Programme Learning Outcomes, PLO) mengikut Jurusan	9
2.3 Bahasa Pengantar	18
2.4 Pakej Kursus dan Kod Kursus	18
3. Kehadiran Kelas	22
4. Penilaian	23
4.1 Sistem Penilaian	23
4.2 Sistem Gred, Mata Nilai & Purata Nilai Gred (PNG)	24
5. Syarat Menduduki Peperiksaan	27
6. Pencapaian Akademik Pelajar	27
7. Penyemakan Semula Keputusan Peperiksaan	28
8. Penangguhan Pengajian & Menarik Diri Daripada Program	28
9. Kelayakan Sijil Matrikulasi KPM	29
BAHAGIAN C: LAMPIRAN	
Lampiran A – Ringkasan Struktur Kursus	31
Lampiran B – Pelaksanaan Kursus Teras & Wajib	40
Lampiran C – Format Penilaian	42
Penghargaan	46

BAHAGIAN A: PENGENALAN

1. LATAR BELAKANG PENUBUHAN PROGRAM MATRIKULASI KPM

Program Matrikulasi KPM diwujudkan atas kelulusan Jemaah Menteri pada 10 Mac 1999 merupakan satu program persediaan bagi pelajar bumiputera untuk melayakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, matematik dan perakaunan di institusi pengajian tinggi. Hasil daripada program ini telah melahirkan ramai cendekiawan dan tenaga mahir bumiputera dalam bidang profesional. Sehingga kini, terdapat 15 buah kolej matrikulasi dan dua buah kolej MARA yang melaksanakan Program Matrikulasi KPM.

Kumpulan pertama (perintis) pelajar program ini bagi pengambilan pada tahun 1998 terdiri daripada kalangan pelajar sekolah berasrama penuh (SBP) dan maktab rendah sains MARA (MRSM). Pemilihan pelajar ini berdasarkan kepada keputusan peperiksaan percubaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelajar ini telah ditempatkan di Kolej Yayasan Pendidikan MARA, Bangi sebagai penempatan sementara memandangkan pada ketika itu kolej matrikulasi KPM masih dalam pembinaan. Pada tahun 1999, Kolej Matrikulasi Melaka (KMM) dan Kolej Matrikulasi Labuan (KML) telah membuat pengambilan pelajar pertama. Tempoh pengajian pada ketika itu adalah selama satu tahun enam bulan (tiga semester).

Pada peringkat awal, Program Matrikulasi KPM menawarkan dua jurusan iaitu Jurusan Sains dan Jurusan Perakaunan. Jurusan Sains terdiri daripada aliran Sains Hayat dan aliran Sains Fizikal. Bermula tahun 2002, tempoh masa pengajian telah berubah dari satu tahun enam bulan kepada satu tahun. Program Matrikulasi KPM telah menawarkan sebanyak 10 peratus tempat kepada pelajar bukan bumiputera untuk mengikuti program ini berdasarkan keputusan Kabinet pada 29 Mei 2002 mulai sesi 2003/2004.

Aliran Teknikal telah diperkenalkan pada tahun 2009 di Kolej Matrikulasi Teknikal Kedah (KMTK), Kolej Matrikulasi Teknikal Pahang (KMTPh) dan Kolej Matrikulasi Teknikal Johor (KMTJ). Mulai sesi 2018/2019, Aliran Teknikal telah dijenamakan menjadi Jurusan Kejuruteraan dan semua kolej matrikulasi teknikal dikenali sebagai kolej matrikulasi kejuruteraan.

Jurusan Perakaunan Profesional telah diperkenalkan mulai sesi 2018/2019 bagi membuka laluan alternatif dan akses pendidikan kepada lepasan SPM untuk menyambung pengajian dalam bidang profesional tersebut. Ini adalah selaras dengan Anjakan 1 dalam PPPM 2013 – 2025, iaitu menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa.

Program Matrikulasi KPM telah melaksanakan kurikulum berteraskan Pendidikan Berasaskan Hasil (Outcome-Based Education – OBE) bermula sesi 2018/2019 bagi menggantikan kurikulum sedia ada. Kurikulum ini memberi penekanan kepada proses pembelajaran yang berfokus kepada pencapaian hasil pembelajaran. Setiap pelajar dilengkapkan dengan kemahiran bukan sahaja kognitif (pengetahuan) dan psikomotor tetapi juga kemahiran insaniah (afektif) untuk kekal kompetitif pada masa hadapan.

Mulai sesi 2021/2022, Program Matrikulasi menawarkan empat jurusan pengajian iaitu Jurusan Sains, Jurusan Kejuruteraan, Jurusan Perakaunan dan Jurusan Perakaunan Profesional. Jurusan Sains menawarkan tiga pilihan aliran kepada pelajar iaitu aliran Sains Hayat, Sains Fizikal dan Sains Komputer. Jurusan Kejuruteraan pula menawarkan empat pilihan aliran iaitu Asas Kejuruteraan, Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik serta Kejuruteraan Mekanikal.

Pengurusan dan pengendalian Program Matrikulasi pada peringkat awal adalah berpandukan kepada program yang sedia ada di universiti awam (UA) dengan membuat sedikit pengubahsuaian mengikut keperluan KPM. Sehingga kini, kepakaran UA masih digunakan dalam urusan hal ehwal akademik termasuk pembangunan kurikulum, pentaksiran kertas peperiksaan, pemeriksaan skrip jawapan dan hal-hal lain yang berkaitan.

Pada tahun 2016, Sijil Matrikulasi KPM telah mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2016 untuk laluan kerjaya ke perkhidmatan awam.

2. SENARAI KOLEJ MATRIKULASI DAN KOLEJ MARA

KOLEJ MATRIKULASI MELAKA

Kementerian Pendidikan Malaysia
78300 Masjid Tanah
Melaka
☎: 06-3832000
<http://www.kmm.matrik.edu.my>

KOLEJ MATRIKULASI NEGERI SEMBILAN

Kementerian Pendidikan Malaysia
72000 Kuala Pilah
Negeri Sembilan
☎: 06-4841825
<http://www.kmns.matrik.edu.my>

KOLEJ MATRIKULASI PULAU PINANG

Kementerian Pendidikan Malaysia
13200 Kepala Batas
Pulau Pinang
☎: 04-5756090
<http://www.kmpp.matrik.edu.my>

KOLEJ MATRIKULASI PERLIS

Kementerian Pendidikan Malaysia
02600 Arau
Perlis
☎: 04-9868613
<http://www.kmp.matrik.edu.my>

KOLEJ MATRIKULASI LABUAN

Kementerian Pendidikan Malaysia
Jalan OKK Daud, Merinding
Peti Surat 81735
87027 Wilayah Persekutuan Labuan
☎: 087-465311
<http://www.kml.matrik.edu.my>

KOLEJ MATRIKULASI JOHOR

Kementerian Pendidikan Malaysia
84900 Tangkak
Johor
☎: 06-9781613
<http://www.kmj.matrik.edu.my>

KOLEJ MATRIKULASI PERAK

Kementerian Pendidikan Malaysia
31600 Gopeng
Perak
☎: 05-3594449
<http://www.kmpk.matrik.edu.my>

KOLEJ MATRIKULASI KEDAH

Kementerian Pendidikan Malaysia
06010 Changlun
Kedah
☎: 04-9286100
<http://www.kmk.matrik.edu.my>

KOLEJ MATRIKULASI PAHANG

Kementerian Pendidikan Malaysia
26300 Gambang
Pahang
☎: 09-5495000
<http://www.kmph.matrik.edu.my>

KOLEJ MATRIKULASI SELANGOR

Kementerian Pendidikan Malaysia
42700 Banting,
Selangor
☎: 03-31201410
<http://www.kms.matrik.edu.my>

KOLEJ MATRIKULASI KELANTAN

Kementerian Pendidikan Malaysia
16810 Pasir Puteh
Kelantan

☎: 09-7808000

<http://www.kmkt.matrik.edu.my>

KOLEJ MATRIKULASI SARAWAK

Kementerian Pendidikan Malaysia Lot
216, Fasa II
Taman Perindustrian Sejingkat
Lorong Demak Indah 5A1
93050 Kuching
Sarawak

☎: 082-439100

<http://www.kmsw.matrik.edu.my>

**KOLEJ MATRIKULASI
KEJURUTERAAN PAHANG**

Kementerian Pendidikan Malaysia
26400 Bandar Tun Razak Jengka
Pahang

☎: 09-4677103

<http://www.kmkph.matrik.edu.my>

**KOLEJ MATRIKULASI
KEJURUTERAAN KEDAH**

Kementerian Pendidikan Malaysia
06720 Pendang
Kedah

☎: 04-4682508

<http://www.kmkk.matrik.edu.my>

**KOLEJ MATRIKULASI
KEJURUTERAAN JOHOR**

Kementerian Pendidikan Malaysia
82000 Pontian
Johor

☎: 07-6881629

<http://www.kmkj.matrik.edu.my>

KOLEJ MARA KULIM

Jalan Junjong
09000 Kulim
Kedah

☎: 04-4906422

<http://www.kmkulim.edu.my>

KOLEJ MARA KUALA NERANG

Lot 556, Daerah Padang
Terap06300 Kuala Nerang
Kedah

☎: 04-7867250

<http://www.kmkn.edu.my>

BAHAGIAN B: STRUKTUR PROGRAM MATRIKULASI KPM


1. KONSEP UMUM

Program Matrikulasi KPM merupakan program persediaan untuk melayakkan pelajar mengikuti kursus tertentu di peringkat ijazah pertama dalam bidang sains, teknologi dan profesional di institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara. Reka bentuk kurikulum Program Matrikulasi KPM mengambil kira pengetahuan pelajar semasa di sekolah menengah dan keperluan bidang tertentu di peringkat ijazah pertama.

Kurikulum program ini memberi penekanan kepada aspek akademik dan bukan akademik yang bertujuan menyediakan pelajar yang berpengetahuan, kreatif dan berdaya saing serta mempunyai ciri-ciri kualiti diri yang terpuji dan daya kepimpinan yang tinggi.

Struktur pengajian menggunakan sistem semester dan tempoh pengajian adalah selama satu tahun (dua semester). Pelajar ditempatkan di kolej kediaman sepanjang tempoh pengajian bagi mengoptimumkan masa pembelajaran.

Bermula sesi 2018/2019, Bahagian Matrikulasi melaksanakan kurikulum berteraskan OBE. Pelaksanaan OBE merupakan suatu proses akademik dan pendekatan dalam membangunkan jangkaan berfokuskan keberhasilan seperti pengetahuan, kemahiran dan nilai kepada pelajar yang perlu dicapai sebelum menamatkan pengajian.



Rajah 1: Domain kluster hasil pembelajaran Program Matrikulasi KPM

2. PELAKSANAAN PROGRAM

Tempoh pengajian Program Matrikulasi bagi setiap semester adalah sebanyak 20 minggu. Jumlah unit kredit maksimum yang diambil pada setiap semester adalah sebanyak 25 atau 26 kredit merangkumi kursus teras dan kursus wajib.

2.1. Sistem Semester

Program Matrikulasi melaksanakan sistem semester selaras dengan amalan kebanyakan institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara. Rasional pelaksanaan sistem semester adalah:

- a) menyediakan pendidikan yang lebih kompetitif kepada pelajar;
- b) memberikan ruang yang lebih luas kepada kolej untuk melaksanakan sistem penilaian prestasi dan menilai kemajuan akademik pelajar yang lebih sesuai dan berkesan;
- c) pembelajaran dilaksanakan secara kuliah, tutorial dan amali;
- d) penilaian pelajar berdasarkan kepada Penilaian Berterusan (PB), Ujian Penilaian Sumatif (UPS) dan Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM). Prestasi akademik pelajar ditentukan berdasarkan Purata Nilai Gred Semester (PNGS) di akhir setiap semester dan dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) di akhir sesi pengajian; dan
- e) setiap pelajar perlu mengikuti kursus wajib dan gred dicatat dalam transkrip pelajar. Gred yang diperoleh tidak dikira dalam PNGS dan PNGK.

2.2. Objektif Pembelajaran Program (Programme Educational Objectives, PEO) dan Hasil Pembelajaran Program (Programme Learning Outcomes, PLO) mengikut Jurusan

Program Matrikulasi telah membangunkan PEO yang perlu dicapai oleh lulusan Program Matrikulasi beberapa tahun selepas mereka tamat pengajian di kolej matrikulasi. Di samping itu juga, PLO telah dirangka bagi menerangkan pernyataan berkenaan pengetahuan, kemahiran, kebolehan dan tingkah laku pelajar yang boleh diukur di akhir pengajian.

2.2.1. Objektif Pembelajaran Program (Programme Educational Objectives, PEO)

2.2.1.1. PEO Jurusan Sains

Selepas setahun bergraduasi daripada program, graduan adalah:
Upon a year of graduation from the programme, graduates are:

PEO 1 Berpengetahuan dan kompeten secara teknikal dalam bidang sains selari dengan keperluan institusi pengajian tinggi.

Knowledgeable and technically competent in science disciplines in-line with higher educational institution requirement.

PEO 2 Berkebolehan untuk mengaplikasikan maklumat dan menggunakan data untuk menyelesaikan masalah dalam bidang sains.

Able to apply information and use data to solve problems in science disciplines.

PEO 3 Berkebolehan untuk berkomunikasi dengan mahir dan berkolaborasi secara berkesan dalam kerja berkumpulan untuk bersaing dalam persekitaran pendidikan tinggi.

Able to communicate competently and collaborate effectively in group work to compete in higher education environment.

- PEO 4 Berkebolehan untuk menggunakan asas teknologi maklumat dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat bagi pemerolehan ilmu dan kemahiran baharu.
- Able to use basic information technologies and engaged in life-long learning to continue the acquisition of new knowledge and skills.*
- PEO 5 Berkebolehan untuk mempamerkan kemahiran kepimpinan dan mengamalkan nilai dan etika yang baik dalam mengurus organisasi.
- Able to demonstrate leadership skills and practice good values and ethics in managing organisations.*

2.2.1.2. PEO Jurusan Kejuruteraan

Selepas setahun bergraduasi daripada program, graduan adalah:
Upon a year of graduation from the programme, graduates are:

- PEO 1 Berpengetahuan dan kompeten secara teknikal dalam bidang kejuruteraan selari dengan keperluan institusi pengajian tinggi.
- Knowledgeable and technically competent in engineering disciplines in-line with higher educational institution requirement.*
- PEO 2 Berkebolehan untuk mengaplikasikan maklumat dan menggunakan data untuk menyelesaikan masalah dalam bidang kejuruteraan.
- Able to apply information and use data to solve problems in engineering disciplines.*
- PEO 3 Berkebolehan untuk berkomunikasi dengan mahir dan berkolaborasi secara berkesan dalam kerja berkumpulan untuk bersaing dalam persekitaran pendidikan tinggi.
- Able to communicate competently and collaborate effectively in group work to compete in higher education environment.*

- PEO 4 Berkebolehan untuk menggunakan asas teknologi maklumat dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat bagi pemerolehan ilmu dan kemahiran baharu.
- Able to use basic information technologies and engaged in life-long learning to continue the acquisition of new knowledge and skills.*
- PEO 5 Berkebolehan untuk mempamerkan kemahiran kepimpinan dan mengamalkan nilai dan etika yang baik dalam mengurus organisasi.
- Able to demonstrate leadership skills and practice good values and ethics in managing organisations.*

2.2.1.3. PEO Jurusan Perakaunan

Selepas setahun bergraduasi daripada program, graduan adalah:
Upon a year of graduation from the programme, graduates are:

- PEO 1 Berpengetahuan dan kompeten secara teknikal dalam bidang perakaunan selari dengan keperluan institusi pengajian tinggi.
- Knowledgeable and technically competent in accounting disciplines in-line with higher educational institution requirement.*
- PEO 2 Berkebolehan untuk mengaplikasikan maklumat dan menggunakan data untuk menyelesaikan masalah dalam bidang perakaunan.
- Able to apply information and use data to solve problems in accounting disciplines.*
- PEO 3 Berkebolehan untuk berkomunikasi dengan mahir dan berkolaborasi secara berkesan dalam kerja berkumpulan untuk bersaing dalam persekitaran pendidikan tinggi.
- Able to communicate competently and collaborate effectively in group work to compete in higher education environment.*

- PEO 4 Berkebolehan untuk menggunakan asas teknologi maklumat dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat bagi pemerolehan ilmu dan kemahiran baharu.
- Able to use basic information technologies and engaged in life-long learning to continue the acquisition of new knowledge and skills.*
- PEO 5 Berkebolehan untuk mempamerkan kemahiran kepimpinan dan mengamalkan nilai dan etika yang baik dalam mengurus organisasi.
- Able to demonstrate leadership skills and practice good values and ethics in managing organisations.*

2.2.2. Hasil Pembelajaran Program (Programme Learning Outcomes, PLO)

2.2.2.1. PLO Jurusan Sains

Pada akhir program, pelajar dapat:

At the end of the programme, students should be able to :

- PLO 1 Memperoleh pengetahuan dalam bidang sains dan matematik sebagai asas kepada pendidikan peringkat tinggi.
- Acquire knowledge of science and mathematics as a fundamental in higher level education.*
- PLO 2 Mengaplikasi pemikiran logik, analitikal dan kritis dalam kajian saintifik dan penyelesaian masalah.
- Apply logical, analytical and critical thinking in scientific studies and problem solving.*
- PLO 3 Menunjukkan kemahiran manipulatif dalam kerja makmal.
- Demonstrate manipulative skills in laboratory works.*
- PLO 4 Berkolaborasi dalam kerja berkumpulan dengan kemahiran yang diperlukan untuk pendidikan tinggi.
- Collaborate in group work with skills required for higher education.*

- PLO 5 Menyampaikan idea, maklumat, masalah dan penyelesaian dalam komunikasi secara lisan dan penulisan.
Deliver ideas, information, problems and solution in verbal and written communication.
- PLO 6 Menggunakan asas teknologi digital untuk mencari dan menganalisis data bagi pengurusan maklumat.
Use basic digital technology to seek and analyse data for management of information.
- PLO 7 Mentafsir data numerasi yang biasa digunakan dan ringkas untuk menyelesaikan masalah.
Interpret familiar and uncomplicated numerical data to solve problems.
- PLO 8 Menunjukkan kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab dalam menguruskan organisasi.
Demonstrate leadership, autonomy and responsibility in managing organization.
- PLO 9 Memulakan peningkatan sendiri melalui pembelajaran bebas.
Initiate self-improvement through independent learning.
- PLO 10 Mengamalkan nilai, sikap, etika dan akauntabiliti dalam bidang STEM dan professional.
Practice good values, attitude, ethics and accountability in STEM and professionalism.

2.2.2.2. PLO Jurusan Kejuruteraan

Pada akhir program, pelajar patut:

At the end of the programme, students should be able to :

- PLO 1 Memperoleh pengetahuan asas dalam bidang kejuruteraan, sains dan matematik untuk tujuan pendidikan peringkat tinggi.
Acquire basic knowledge of basic engineering, science and mathematics for higher education purpose.
- PLO 2 Mengaplikasi kemahiran berfikir secara kritis dan penyelesaian masalah dalam pengajian asas kejuruteraan.
Apply critical thinking and problem solving skills in basic engineering studies.
- PLO 3 Menunjukkan kemahiran manipulatif dalam kerja bengkel dan makmal.
Demonstrate manipulative skills in workshop and laboratory works.
- PLO 4 Berkolaborasi dalam kerja berkumpulan dengan kemahiran yang diperlukan untuk pendidikan tinggi.
Collaborate in group work with skills required for higher education.
- PLO 5 Menyampaikan idea, maklumat, masalah dan penyelesaian dalam komunikasi secara lisan dan penulisan.
Deliver ideas, information, problems and solution in verbal and written communication.
- PLO 6 Menggunakan asas teknologi digital untuk mencari dan menganalisis data bagi pengurusan maklumat.
Use basic digital technology to seek and analyse data for management of information.

- PLO 7 Mentafsir data numerasi yang biasa digunakan dan ringkas untuk menyelesaikan masalah.
Interpret familiar and uncomplicated numerical data to solve problems.
- PLO 8 Menunjukkan kepemimpinan, autonomi dan tanggungjawab dalam menguruskan organisasi.
Demonstrate leadership, autonomy and responsibility in managing organization.
- PLO 9 Memulakan peningkatan sendiri melalui pembelajaran bebas.
Initiate self-improvement through independent learning.
- PLO 10 Mengamalkan nilai, sikap, etika dan akauntabiliti dalam bidang STEM dan professional.
Practice good values, attitude, ethics and accountability in STEM and professionalism.

2.2.2.3. PLO Jurusan Perakaunan

Pada akhir program, pelajar patut:

At the end of the programme, students should be able to :

PLO 1 Memperoleh dan mengenal pasti konsep asas Perakaunan, Pengurusan Perniagaan dan Ekonomi.

Acquire and recognise basic concepts of Accounting, Business Studies and Economics.

PLO 2 Mengaplikasikan kemahiran yang bersesuaian dalam menyelesaikan masalah.

Apply appropriate skills in problem solving.

PLO 3 mempraktikkan alat-alat pengurusan dan ekonomi dalam bidang perakaunan dan perniagaan.

Practice management and economic tools used in accounting and business field.

PLO 4 Berkolaborasi dalam kerja berkumpulan dengan kemahiran yang diperlukan untuk pendidikan tinggi.

Collaborate in group work with skills required for higher education.

PLO 5 Menyampaikan idea, maklumat, masalah dan penyelesaian dalam komunikasi secara lisan dan penulisan.

Deliver ideas, information, problems and solution in verbal and written communication.

PLO 6 Menggunakan asas teknologi digital untuk mencari dan menganalisis data bagi pengurusan maklumat.

Use basic digital technology to seek and analyse data for management of information.

PLO 7 Mentafsir data numerasi yang biasa digunakan dan ringkas untuk menyelesaikan masalah.

Interpret familiar and uncomplicated numerical data to solve problems.

PLO 8 Menunjukkan kepemimpinan, autonomi dan tanggungjawab dalam menguruskan organisasi.

Demonstrate leadership, autonomy and responsibility in managing organization.

PLO 9 Memulakan peningkatan sendiri melalui pembelajaran bebas.

Initiate self-improvement through independent learning.

PLO 10 Mengamalkan nilai, sikap, etika dan akauntabiliti dalam bidang STEM dan professional.

Practice good values, attitude, ethics and accountability in STEM and professionalism.

2.3. Bahasa Pengantar

Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar bagi kursus *Chemistry, Physics, Biology, Mathematics, Basic Engineering, Civil Engineering, Electrical & Electronics Engineering, Mechanical Engineering, English, Accounting, Business & Technology, Financial Accounting* dan *Management Accounting*.

Bahasa Melayu pula digunakan sebagai bahasa pengantar bagi kursus Ekonomi, Pengurusan Perniagaan, Pengajian Am Matrikulasi, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Kokurikulum.

2.4. Pakej Kursus dan Kod Kursus

Pelajar akan mengambil gabungan kursus teras dan wajib mengikut jurusan. Struktur dan pelaksanaan bagi setiap jurusan adalah seperti **Lampiran A** dan **Lampiran B**.

2.4.1. Kursus Teras Jurusan Sains

Setiap pelajar Jurusan Sains diwajibkan mengambil pakej kursus teras mengikut aliran.

Aliran Sains Hayat			
Semester I		Semester II	
Kursus	Kod	Kursus	Kod
<i>Mathematics 1</i>	SM015	<i>Mathematics 2</i>	SM025
<i>Chemistry 1</i>	SK015	<i>Chemistry 2</i>	SK025
<i>Physics 1</i>	SP015	<i>Physics 2</i>	SP025
<i>Biology 1</i>	SB015	<i>Biology 2</i>	SB025

Aliran Sains Fizikal			
Semester I		Semester II	
Kursus	Kod	Kursus	Kod
<i>Mathematics 1</i>	SM015	<i>Mathematics 2</i>	SM025
<i>Chemistry 1</i>	SK015	<i>Chemistry 2</i>	SK025
<i>Physics 1</i>	SP015	<i>Physics 2</i>	SP025
<i>Computer Science 1</i>	SC015	<i>Computer Science 2</i>	SC025

Aliran Sains Komputer			
Semester I		Semester II	
Kursus	Kod	Kursus	Kod
<i>Mathematics 1</i>	SM015	<i>Mathematics 2</i>	SM025
<i>Chemistry 1</i>	SK015	<i>Chemistry 2</i>	SK025
<i>Biology 1</i>	SB015	<i>Biology 2</i>	SB025
<i>Computer Science 1</i>	SC015	<i>Computer Science 2</i>	SC025

2.4.2. Kursus Teras Jurusan Kejuruteraan

